

# Mengharmonikan perundangan tanah rizab Melayu

**ISMAIL  
OMAR**



**I**SU-ISU berkaitan tanah rizab Melayu perlu disemak semula. Ramai memperkatakan tentang cara memajukan tanah rizab Melayu.

Untuk memajukan tanah rizab Melayu, kita perlukan senjata ampuh. Senjata berkenaan adalah strategi dan sinergi. Strategi adalah cara untuk mencapai tujuan manakala sinergi pula kekuatan tambahan hasil daripada jalinan dan gabungan tenaga untuk mencapai sasaran. Kedua-duanya perlu dibentuk dan dilaksanakan dengan cermat dan teliti sekali.

Setelah 104 tahun diperkenalkan (pada 1913) penjajah British dan setelah 60 tahun merdeka, tidak banyak kemajuan berlaku. Malah, saiz tanah rizab Melayu dikatakan semakin berkurangan. Pada 1947, dilaporkan keluasaannya kira-kira 2,422,720 hektar dan pada masa ini dianggarkan hanya tinggal kira-kira 1,700,000 hektar.

Di Kedah, pengurangan saiz berlaku sebanyak 89 peratus (808,162 hektar pada 1947 tinggal 127,804 hektar pada 1955). Di Perak, pengurangan sebanyak 42 peratus (737,126 hektar menjadi 523,031 hektar pada 1955). Di Perlis berlaku 46 peratus pengurangan (37,165 hektar pada 1947 menjadi 5,028 hektar pada 1955) manakala di Negeri Sembilan pula, tanah adat berkurangan sebanyak 32 peratus (237,259 hektar pada 1947 menjadi 39,472 hektar pada 1955).

Di Selangor, berkurangan sebanyak 21 peratus (125,845 hektar pada 1947 menjadi hanya 44,501 hektar pada 1955). Berbeza dengan Kelantan, pertambahan sebanyak 99 peratus (127,785 hektar pada 1947 menjadi 717,879 hektar pada 1955). Justeru, kita perlu membentuk strategi dan sinergi untuk mentransformasi bagi mempertahankan dan menambak keluasan tanah rizab Melayu. Lebih penting, meningkatkan nilainya di pasaran melalui usaha



**PENANGGUHAN** usaha membangunkan semula Kampung Baru di Kuala Lumpur pada awal tahun 1990-an membuktikan kesukaran memajukan tanah rizab Melayu. - GAMBAR HIASAN/UTUSAN

pembangunan.

Kajian dijalankan penulis di wilayah Pengerang menunjukkan bahawa pembangunan tanah rizab Melayu boleh dilakukan apabila modal dan prasarana dimajukan pihak kerajaan. Apabila jambatan dibina merentangi Sungai Johor, penduduk dan pelanggan berbondong-bondong hadir menziarahi wilayah berkenaan.

Dilaporkan keadaan sesak seringkali berlaku terutama pada hujung minggu di kawasan Bandar Penawar dan Desaru. Ekonomi mula tumbuh segar. Tanah kosong mula dimajukan. Deretan hartanah mula tumbuh bak cendawan selepas hujan. Maknanya, pembangunan tanah rizab Melayu lebih mudah dijalankan melalui transformasi ekonomi berbanding pindaan undang-undang.

Biasanya, pindaan peraturan formal mengenai Enakmen Rizab Melayu melibatkan prosedur panjang dan memabatkan sensitiviti orang Melayu. Dalam konteks pembangunan hartanah, tempoh yang panjang bermakna kos yang tinggi dan tahap risiko yang juga tinggi.

Salah satu perkara penting untuk membentuk strategi adalah mengenal pasti cara untuk mengatasi halangan pembangunan tanah-tanah berkenaan. Jalinan ker-

jasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri seringkali pudar disebabkan berlaku perubahan pucuk pimpinan yang melibatkan parti politik yang berlainan.

Dalam pembangunan hartanah, bukan sahaja pemain yang penting, malahan interaksi sosial antara pemain sesama pemain dan hubungan mereka dengan pihak atasan juga penting. Mereka sama-sama perlu memerlukan. Itulah konsep sepakat dan muafakat yang membawa berkat. Disarankan supaya Majlis Tanah Negara (MTN) memainkan peranan sebagai penyalaras demi memajukan Tanah Rizab Melayu.

Melalui sinergi, pemuafakatan dan kerjasama boleh dijalankan. Di bawah Enakmen Rizab Melayu 1913, pindah milik dan urusniaga yang melibatkan orang bukan Melayu tidak dibenarkan dan terbatal.

Justeru, pendekatan alternatif perlu dicari. Satukan pemaju Melayu dan bumiputera bagi mewujudkan sinergi. Barangkali dewan-dewan perniagaan Melayu dan bumiputera boleh disatukan. Atau satukan dewan perniagaan Islam atau pemaju bumiputera dan Melayu. Boleh tubuhkan konsortium tanah rizab Melayu untuk meningkatkan keupayaan pemaju Melayu. Perkasakan pemaju-pemaju Melayu. Begitu ju-

ga, satukan minda pembangunan dan perniagaan koperasi-koperasi Melayu demi memajukan tanah rizab Melayu.

Nilai dan harga pampasan juga boleh menghalang pembangunan tanah. Sekali pun pihak kerajaan menawarkan harga pampasan yang mencukupi, pemilih tetap tidak berganjak dengan takat harga mereka. Mereka mahukan harga yang lebih tinggi untuk dibahagikan kepada pemilih bersama yang ramai. Akhirnya, tanah rizab Melayu berkenaan tidak dapat dimajukan. Penangguhan usaha membangunkan semula Kampung Baru (tanah Penempatan Pertanian Melayu atau MAS) di Kuala Lumpur pada awal tahun 1990-an telah membuktikan situasi ini.

Sebagai cadangan, Enakmen Rizab Melayu 1913 di peringkat negeri-negeri perlu disemak dan dikaji semula supaya pindaan dilakukan bagi melorongkan dan memacu pembentukan peraturan dan perundangan yang lebih holistik dan lebih bersifat transformasi berdasarkan gerak hati dan denyut nadi rakyat. Barangkali, semua enakmen Tanah Rizab Melayu di peringkat negeri boleh diharmonikan bagi membentuk Akta Tanah Rizab Melayu yang bersepadu bagi memudahkan perkongsian pintar di bawah Pelan Transformasi Tanah Negara.

Justeru, sempena pembentangan Bajet 2018 hari ini, isu tanah rizab Melayu dan penyelesaiananya perlu dilihat secara holistik.

Perbandingan dengan pembangunan tanah Orang Asli dan pribumi di Australia dan Afrika, tanah Red Indian di Amerika Syarikat, tanah Maori di New Zealand perlu dilakukan dengan teliti. Di dalam negara pula, isu dan pembangunan Tanah Adat Melaka (MCL) dan Tanah Adat Pribumi (NCR). Sejujurnya, biarlah transformasi Tanah Rizab Melayu memperkasakan ekonomi dan sosiobudaya orang Melayu tanpa menafikan hak-hak orang lain.

**PROFESOR DR. ISMAIL OMAR** ialah Presiden Pertubuhan Profesional Tanah Malaysia (Pertama) dan pensyarah di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.